SOALAN NO: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu mangsa-mangsa banjir di seluruh negara untuk membaik pulih dan membina semula rumah-rumah mereka yang telah dimusnahkan dalam banjir kebelakangan ini.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha membantu mangsa-mangsa banjir membaik pulih dan membina semula rumah-rumah yang rosak akibat banjir, kerajaan menyediakan bantuan pembinaan rumah kekal baru dan pembaikan rumah.

Bagi bantuan pembinaan rumah kekal baru, sebanyak 2,185 permohonan pembinaan rumah kekal baru telah diterima di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak setakat 19 Mac 2015. Selepas proses verifikasi dilaksanakan, sebanyak 2,070 buah rumah akan dibina. Kos pembinaan setiap buah rumah adalah RM48,000. Pecahan bilangan rumah kekal baru yang akan dibina mengikut negeri adalah seperti berikut:

i. Kelantan – 1,346 buah dibina akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan 572 dibina oleh Kerajaan Negeri. Jumlah keseluruhan adalah 1,918 buah rumah;
ii. Terengganu – 7 buah rumah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan sebuah oleh Kerajaan Negeri;
iii. Pahang – 118 buah rumah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan; dan
iv. Perak – 26 buah rumah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi bantuan pembaikan rumah, setakat 19 Mac 2015, sebanyak 5,715 permohonan telah diverifikasi dan layak untuk menerima bantuan pembaikan daripada 6,693 permohonan yang diterima. Proses verifikasi masih dilaksanakan dan jumlah ini dijangka berubah dari semasa ke semasa. Siling kos bagi pembaikan rumah adalah RM10,000 untuk setiap buah rumah. Pecahan pembaikan rumah mengikut negeri adalah seperti berikut:

i. Kelantan – 960 buah rumah;
ii. Terengganu – 178 buah rumah;
iii. Pahang – 2,180 buah rumah; dan
iv. Perak – 2,397 buah rumah.

Sekian. Terima kasih.